



MUHYIDDIN Yassin bersalaman dengan penduduk ketika tiba bagi menunaikan solat Zuhur berjemaah sempena lawatan kerja ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Madrasah Al-Ihsaniah Kampung Malaysia Raya, di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN



MUHYIDDIN Yassin menandatangani plak sempena perasmian Klinik 1Malaysia Kampung Muhibah sambil diperhatikan Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin (kiri) di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

Tempoh pajakan tanah dilanjutkan

Oleh SAIFULIZAH MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Jun - Penduduk Kampung Malaysia Raya dan Kampung Malaysia Tambahan menerima berita gembira apabila permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah di kedua-dua

tempat itu secara prinsipnya dipersetujui oleh kerajaan. Perkara itu diumumkan oleh Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Malaysia Raya (Kamara), Mohd. Zainuddin Amran selepas menyampaikan surat permohonan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin sempena lawatan Timbalan Perdana

Menteri ke kampung itu, hari ini. Bagaimanapun, tidak pula dinyatakan berapakah tempoh lanjutan yang dipersetujui oleh kerajaan. Berdasarkan surat permohonan tersebut, tempoh pajakan yang dinikmati oleh penduduk di kedua-dua kampung itu kini telah memasuki hampir separuh daripada

tempoh keseluruhan. Selain itu, Mohd. Zainuddin turut memberitahu Timbalan Perdana Menteri bersetuju untuk menaik taraf pusat rekreasi yang dikenali Dataran Kamara dengan menjadikannya berbumbung. Dengan adanya kemudahan itu, dataran tersebut boleh dijadikan sebagai pusat kegiatan masyarakat se-

tempat, selain menjadi pusat rekreasi dan sukan. Terdahulu, Muhyiddin bersama penduduk kampung telah menunaikan solat zuhur secara berjemaah di Madrasah Ihsaniah, di kampung berkenaan. Selepas itu, beliau serta penduduk kampung menjamu makan te-

ngah hari di rumah milik salah seorang penduduk kampung itu, Dr. Abdullah Yassin. Turut mengiringi lawatan Muhyiddin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin serta pemimpin-pemimpin setempat.